

Dalam sesi *Jalinan Budi* di Institut Pendidikan Nasional (NIE) baru-baru ini, terungkap lagi peranan Hj Yusoff Tali Pinggang dan Gedung Kuningnya serta ertinya bagi sejarah Singapura dan masyarakat Melayu.

Visi Hj Yusoff 'Tali Pinggang'



MOHD RAMAN DAUD
raman@sph.com.sg

GEDUNG Kuning yang kini menampung Mamanda (sebelum ini Tepak Sirih), restoran sajian Melayu bertaraf tinggi, mempunyai sejarah luar biasa.

Antara lain, kisahnya terserlah dalam sesi *Jalinan Budi* anjuran Unit Bahasa dan Kebudayaan Melayu Institut Pendidikan Nasional (NIE) Universiti Teknologi Nanyang, baru-baru ini.

Menurut sarjana sejarah lulusan Universiti Cambridge, Cik Hidayah Amin, yang dibesarkan di Gedung Kuning, rumah pusaka keluarganya (1912-1999) boleh disusur pemilikan terdahulunya sejak 1840, 1850 dan 1870.

"Moyang saya sebelah ibu, Hj Yusoff bin Hj Mohamed Noor, telah membeli gedung tersebut sebagai rumah keluarga daripada seorang ceti (peminjam wang berbangsa India) pada 30 Julai 1912," katanya merujuk kepada dokumen-dokumen yang telah terkumpul. Gedung Kuning diambil alih pemerintah pada 1999 menurut Akta Pemerolehan Tanah.

TOKOH USAHAWAN

Hj Yusoff merupakan anak lelaki kedua kepada Hj Mohamed Noor bin Hj Ali, usahawan kelahiran Solo (Jawa Tengah) yang singgah di Singapura dalam 1850-an ketika dalam pelayaran pulang dari tanah suci.

Beliau terangsang dengan kegiatan ekonomi di Singapura dan akhirnya membina keluarga dan niaganya di kawasan Kampong Glam, kawasan niaga Melayu/Islam terutamanya haji.


Hj Mohd Noor dikurniakan lima anak hasil perkahwinan dengan Kamsinah, seorang wanita Jawa di sini pada 1853. Beliau merupakan perintis niaga makanan di sepanjang pantai Rochor. Namun, beliau menegah dua anak lelaki, Ali dan Yusoff, daripada niaga makanan.



MEWAH: Kereta mewah Austin 6 berharga \$3,700 milik Hj Yusoff sebelum Perang Dunia II (*kiri*) dan gambar atas Gedung Kuning yang telah diubah elok dan menampung restoran Mamanda kini. – Foto fail



BERCIRI ISLAM: Jenama syarikat Hj Yusoff memancarkan ciri Islam. – Foto fail



URUSAN HAJI

Walaupun sekadar belajar di kelas agama Masjid Sultan dan bahasa Melayu di rumah, Hj Yusoff (namanya pernah dieja Hadjee Yousof bin Hadjee Mohamed Noor) berjaya membina hemahnya sebagai usahawan bermula dengan jualan songkok, urusan haji dan menyiapkan kelengkapan seperti tali pinggang sehingga namanya dikaitkan dengan produk ini.

Pada 1880, beliau naik haji dan kembali menikahi Noribah. Mereka menghuni ru-

mah batu bata kecil di depan Masjid Maaruf di Clyde Street dan kemudian tinggal di rumah kedai 741 North Bridge Road apabila anak lelaki mereka, Mohamed (Wak Ahmad), dilahirkan.

Apabila niaganya rancak, beliau pindah ke rumah kedai tiga tingkat di 717 North Bridge Road. Kedainya di aras bawah, tingkat dua dihuni keluarganya dan tingkat tiga merupakan bengkel kerjanya.

Setelah Noribah didapati sukar hamil selepas melahirkan Mohamed, maka Hj Yusoff

beristeri kedua, Hajah Aisah, iaitu sepupu isterinya (atas saranan isterinya sendiri) dan dikurniakan 13 orang anak tetapi hanya enam yang hidup sampai dewasa – Fatimah, Salmah, Abdul Rahim, Othman dan Zohra.

Menurut Cik Hidayah, penulis buku *Gedung Kuning – Memories of A Childhood* (2010), Hj Yusoff membeli Gedung Kuning dengan harga \$37,000 bagi anak-beranak isteri keduanya ketika neneknya (anak sulung daripada isteri keduanya), Fatimah, berusia setahun.

Tali pinggang bukan ciptaan Hj Yusoff. Tetapi setelah menilai pelbagai tali pinggang ketika di Tanah Suci, beliau mencipta suatu keunikan sehingga mengalahkan pesaingnya dan terkenal seantero Nusantara. Oleh sebab itulah, lekatlah gelar Hj Yusoff Tali Pinggang padanya.

Kisah tokoh ini mengisi *Catatan Sejarah* akhbar ini pada 22 Disember 1981 – tulisan Encik Ahmad Mohd Don yang mewawancara anaknya, Hj Ismail.

AZAM PERINTIS

Berdisiplin tinggi, sangat cermat dan gigih

belajar ilmu niaga, Hj Yusoff boleh dibandingkan dengan hartawan Melayu sezamannya seperti Ambo Sooloh (1891-1963), Hj Osman Kaya, Hj Kahar Palembang dan Hj Mahmud Berlian.

Walaupun niaganya pernah berkembang pesat, terjejas juga pasang surut sehingga Gedung Kuning terjual pada 1919 kepada hartawan Cina.

Berlakulah ubah elok di rumah besar itu seperti jubin motif Peranakan. Namun keluarga Cina tidak betah di situ walaupun sudah dipanggilkan orang menyemahnya.

Hj Yusoff yang amat sesal, cuba membeli kembali gedung itu tetapi hartawan Cina itu enggan kerana menilai beliau sebagai 'tak mampu'. Beliau mendapat akal dengan mengupah Hj Umar selaku 'broker' (orang tengah) yang meyakinkan tauke itu bahawa ada seorang sultan yang ingin membelinya.

Akhirnya Gedung Kuning kembali ke tangan Hj Yusoff. Di sinilah beliau mengakhiri hayatnya pada usia 95 tahun sekitar 1948.

Selain mempunyai banyak hartanah di Singapura dan Johor dan antara segelintir usahawan yang mempunyai kereta mewah, beliau tidak lupa berbakti kepada masyarakat. Beliau ialah nazir Masjid Sultan dan antara orang Melayu yang awal mempunyai buku cek (akaun bank). Beliau juga mendirikan madrasah percuma di aras pertama Masjid Sultan. Nama madrasah itu sempena ayahnya.

DOKUMENTASI

Sayangnya kisah perintis yang lebih awal seperti Hj Yusoff belum pernah dibukukan.

Menurut Prof Madya Dr Rokhsana Bibi bte Abdullah dari NIE:

"Setelah membaca buku Hidayah, saya terharu tapi terangsang dengan visi dan kegigihan almarhum Hj Yusoff yang mendahului zamannya sebagai usahawan, pemimpin masyarakat dan dermawan besar.

"Generasi muda hari ini tidak tahu mereka yang semangat juang niaga dan keder-mawanan kaum kita yang boleh diteladani. Sedang kita menyambut 50 tahun kemerdekaan Singapura, saya harap ada pihak seperti Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura yang dapat mengusahakan dokumentasi ini."